



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DENGAN KESEPADUAN PASUKAN FUTSAL UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DENGAN KESEPADUAN PASUKAN FUTSAL UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

MUHAMMAD ZUL HILMI BIN ZULKIFLE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKANKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SUKAN (SAINS KEJURULATIHAN) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
ii

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis ini yang bertajuk Hubungan Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kesepaduan Pasukan Futsal Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah berdasarkan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan yang telah diakui dengan sewajarnya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah sebelum ini diserahkan untuk ijazah atau anugerah lain di Universiti Pendidikan Sultan Idris atau di institusi lain.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

(MUHAMMAD ZUL HILMI BIN ZULKIFLE)

.....

PustakaTBainun

Diperakukan oleh:

(Dr Zulakbal Bin Abd Karim)
Penyelia
Jabatan Sains Kejurulatihan
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 17 Februari 2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KELULUSAN UNTUK PENYERAHAN

Tesis ini yang bertajuk Hubungan Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kesepadan Pasukan Futsal Universiti Pendidikan Sultan Idris disediakan oleh Muhammad Zul Hilmi Bin Zulkifle telah disahkan memenuhi standard yang diperlukan untuk penyerahan dalam memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.



(Dr Zulakbal Bin Abd Karim)

Penyelia
Jabatan Sains Kejurulatihan
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



(Dr. Nor Ajratul Asikin Binti
Mohamad Shalan)

Penyelaras
Jabatan Sains Kejurulatihan
Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 17 Februari 2021

Tarikh: 17/2/2021





DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ya Allah

Berdoa ku panjatkan kesyukuran atas rahmat dan berkatMu. Masih memberi peluang untuk aku melalukan kewajipan sebagai penuntut ilmu.

Dedikasikan tesis ini yang teristimewa kepada ibu yang disayangi, Jefni Binti Mohamad serta buat arwah ayah, Zulkifle Bin Abdul Majid yang tidak sempat melihat pencapaian ini, sekalung terima kasih diucapkan atas segala sokongan, semangat dan nasihat yang telah kalian titipkan...

Tidak dilupakan adik-beradik yang dikasihi, Muhamad Zul Idham Bin Zulkifle dan Muhammad Zul Hazriq Fitri Bin Zulkife, Terima kasih kerana memberi inspirasi...

Khas buat penyelia, Dr Zulakbal Bin Abd Karim dan penyelaras, Dr. Nor Aijratul Asikin Binti Mohamad Shalan. Terima kasih tidak terhingga atas segala bantuan, curahan idea yang menjadi pembakar semangat untuk meneruskan perjuangan ini...

Buat sahabat-sahabat, Khasnya ISM Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) ambilan febuary 2018 (Batch INVICTUS). Terima kasih kerana menjadi teman yang setia, memahami dan menceriakan hidup ini, Sesungguhnya memori yang pernah kita cipta bersama akan terabadi di dalam sanubariku buat selama-lamanya...





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

PENGHARGAAN

وَبِرَّكَاتُهُ اللَّهُ وَرَحْمَةُ عَلَيْكُمُ السَّلَامُ..

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kurniaan dan rahmat dariNya, akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian ini. Dengan hati yang tulus ikhlas, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pensyarah penyelia, Dr Zulakbal Bin Abd Karim dan pensyarah penyelaras, Dr. Nor Aijratul Asikin Binti Mohamad Shalan bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Juga kepada pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan yang telah mengajar tanpa jemu sehingga saya tamat pengajian ini dengan jayanya, semoga kalian memperoleh berkat sepanjang hidup.

Tidak dilupakan, setulus hati penghargaan diberikan kepada ibu yang disayangi, Jefni Binti Mohamad serta buat arwah ayah, Zulkifle Bin Abdul Majid yang tidak sempat melihat pencapaian ini, walaupun tidak mempunyai pelajaran yang tinggi tetapi sentiasa bekerja keras dan sanggup berkorban dalam membesarakan kami 3 beradik. Segala pengorbanan kalian lakukan dijadikan sumber kekuatan untuk saya mencapai ke tahap ini, segala balasan yang baik dari tuhan untuk kalian sentiasa didoakan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Akhir sekali, semua para sahabat yang telah membantu dari dulu hingga kini. Terima kasih, semoga ALLAH memberkati anda semua. Seterusnya, terima kasih yang tidak terhingga kepada jurulatih futsal UPSI, presiden persatuan futsal UPSI dan pemain futsal UPSI yang terlibat dengan penyelidikan ini. Saya percaya ALLAH akan membalas segala budi baik anda semua.

Sekian, Terima Kasih...



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DENGAN KESEPADUAN PASUKAN FUTSAL UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan futsal Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini juga melihatkan perbezaan jantina terhadap persepsi gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan. Seramai 60 pemain futsal telah menyertai kajian ini melibatkan 30 pemain futsal lelaki dan 30 pemain futsal wanita. Kajian ini menggunakan 3 instrumen iaitu soal selidik demografi, skala kepimpinan sukan (SKS) mempunyai 40 item soalan, dan “*Group Environment Questionnaire*” (GEQ,) yang mengandungi 18 item soalan. Data yang diperolehi dianaliskan menggunakan analisis kolerasi pearson, ujian t dan skor min. Analisis kolerasi pearson menunjukkan bahawa ada hubungan yang signifikan antara latihan dan arahan ($r = 0.395$, $p = 0.002$), sokongan sosial ($r = 0.388$, $p = 0.002$), dan tingkah laku demokratik ($r = 0.458$, $p = 0.001$) dengan kesepaduan tugas. Bagi kesepaduan sosial, hasil analisis kolerasi pearson menunjukkan bahawa ada hubungan yang signifikan antara latihan dan arahan ($r = 0.632$, $p = 0.001$), maklumbalas positif ($r = 0.426$, $p = 0.001$), dan tingkah laku demokratik ($r = 0.341$, $p = 0.008$) dengan kesepaduan sosial. Ujian t menunjukkan bahawa ada perbezaan persepsi gaya kepimpinan jurulatih bagi arahan dan latihan ($t [58] = 3.800$, $p = 0.001$) yang signifikan antara lelaki dan wanita. Lelaki ($M = 4.20$, $SD = 0.664$) memiliki persepsi yang tinggi terhadap gaya kepimpinan jurulatih latihan dan arahan dibanding wanita ($M = 3.57$, $SD = 0.626$). Manakala, ujian t menunjukkan tidak terdapat perbezaan terhadap kesepaduan pasukan bagi kesepaduan tugas ($t [58] = 3.800$, $p = 0.001$) dan kesepaduan sosial ($t [58] = 3.800$, $p = 0.001$) kerana tidak signifikan antara lelaki dan wanita. Kesimpulannya, jurulatih perlu melengkapkan diri dengan ilmu kejurulatihan yang tinggi dalam melatih agar dapat mengenal gaya yang sesuai semasa melatih mengikut tiga sifat yang telah ditunjukkan iaitu gaya diperlukan, gaya sebenar dan gaya diinggi bagi mencapai prestasi dan kepuasan pasukan.





THE RELATIONSHIP BETWEEN LEADERSHIP STYLE OF COACHES AND TEAM COHESION FUTSAL OF UNIVERSITY EDUCATION SULTAN IDRIS

ABSTRACT

This study was conducted to see the relationship between leadership style of coaches and the team cohesion of the University Education Sultan Idris futsal team. This study also looked at gender differences in coaching leadership style perceptions and team cohesion. A total of 60 futsal players participated in this study involving 30 male futsal players and 30 female futsal players. This study uses 3 instruments, namely demographic questionnaire, Leadership Scale for Sports (LSS) has 40 question items, and "Group Environment Questionnaire" (GEQ,) which contains 18 question items. The data obtained were analyzed using pearson correlation analysis, t test and mean score. Pearson correlation analysis showed that there was a significant relationship between training and instruction ($r = 0.395, p = 0.002$), social support ($r = 0.388, p = 0.002$), and democratic behavior ($r = 0.458, p = 0.001$) with task cohesion. For social cohesion, the results of pearson correlation analysis showed that there was a significant relationship between training and instruction ($r = 0.632, p = 0.001$), positive feedback ($r = 0.426, p = 0.001$), and democratic behavior ($r = 0.341, p = 0.008$) with social cohesion. The t test showed that there was a significant difference in the perception of coaching leadership style for instruction and training ($t [58] = 3.800, p = 0.001$) between men and women. Men ($M = 4.20, SD = 0.664$) had a higher perception of the leadership style for instruction and training than women ($M = 3.57, SD = 0.626$). Meanwhile, the t test showed that there was no difference in team cohesion for task cohesion ($t [58] = 3.800, p = 0.001$) and social cohesion ($t [58] = 3.800, p = 0.001$) because it was not significant between men and women. In conclusion, coaches need to equip themselves with high coaching knowledge in training in order to recognize the appropriate style while training according to the three traits that have been shown, namely the required style, actual style and elevated style to achieve team performance and satisfaction.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
KELULUSAN UNTUK PENYERAHAN	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	9
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis	10
1.7 Definisi Operasional	11
1.7.1 Gaya Kepimpinan	11
1.7.2 Kesepaduan Pasukan	12
1.7.3 Pemain Futsal	12
1.8 Kepentingan Kajian	13





1.9 Limitasi Kajian

13

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	14
2.2 Gaya Kepimpinan	14
2.3 Kesepaduan Pasukan	16
2.4 Kesimpulan	18

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	19
3.2 Reka Bentuk Kajian	19
3.3 Populasi Kajian	20
3.4 Prosedur Kajian	20
3.5 Instrumentasi Kajian	20
3.6 Pengumpulan Data	21
3.7 Analisis Data	22



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	23
4.2 Statistik Diskriptif	23
4.3 Hubungan Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kesepaduan Pasukan	24
4.3.1 Hubungan Antara SKS Dengan Kesepaduan Tugasan	24
4.3.2 Hubungan Antara (SKS) Dengan Kesepaduan Sosial	25
4.4 Perbezaan Jantina Terhadap Persepsi Gaya Kepimpinan Jurulatih Dan Kesepaduan Pasukan	26





4.4.1 Perbezaan Jantina Terhadap Persepsi Gaya Kepimpinan Jurulatih	27
4.4.2 Perbezaan Jantina Terhadap Kesepaduan Pasukan	28

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	29
5.2 Perbincangan Hubungan Gaya Kepimpinan Jurulatih Dengan Kesepaduan Pasukan	29
5.3 Perbincangan Perbezaan Jantina Terhadap Persepsi Gaya Kepimpinan Jurulatih Dan Kesepaduan Pasukan.	31
5.4 Kesimpulan	32
5.5 Cadangan Kajian Kepada Persatuan Futsal UPSI	33
5.6 Cadangan Kajian Kepada Penyelidik Masa Akan Hadapan	34



LAMPIRAN	38
-----------------	----





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xi

SENARAI JADUAL

JADUAL

Muka Surat

4.1 Analisis frekuensi dan peratus responden mengikut jantina	24
4.2 Hubungan Skala Kepimpinan Sukan (SKS) dengan skala Group Environment Questionnaire GEQ (kesepaduan tugas)	25
4.3 Hubungan SKS dengan skala Group Environment Questionnaire GEQ (kesepaduan sosial)	26
4.4 Perbezaan jantina terhadap persepsi gaya kepimpinan jurulatih	27
4.5 Perbezaan jantina terhadap kesepaduan pasukan	28



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xii

SENARAI RAJAH

RAJAH

Muka Surat

1.1 Model Multidimensi Kepimpinan Sumber: Chelladurai (1991)	8
1.2 Konsep model kesepaduan pasukan untuk GEQ: Adaptasi dari Carron, et al., 1985.	8



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Futsal adalah sukan berpasukan yang dimainkan oleh lelaki dan wanita di gelanggang kecil mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Futsal telah dianjurkan dan dipertandingkan di bawah *Football International Federation Association* (FIFA). Futsal adalah permainan kemahiran yang lengkap dan merupakan pembangunkan atas keseluruhan bola sepak dengan lebih berkesan. Futsal adalah permainan unggul dari

segi mengawal bola dan teknik pemainan. Kawalan bola cekap sangat penting kerana futsal mempunyai ruang yang kecil berbanding bola sepak. Futsal boleh dianggap sebagai sukan dinamik berkelajuan tinggi yang berselang-seli yang melibatkan tindakan cepat (Gomez, et al, 2019). Oleh itu, kemahiran mengendalikan bola keseluruhan individu dan pergerakan bola semakin meningkat.

Pada tahun 1930, Juan Carlos Ceriani guru pendidikan jasmani dari Montevideo telah mencipta bola sepak baru untuk dimainkan di dalam rumah kerana disebabkan oleh keadaan cuaca. Oleh sebab itu, tercipta la sukan futsal di dunia ini. Bola sepak di negara Brazil sangat la terkenal dan sehingga lah dikatakan tuhan ke-2 pada zaman tersebut. Penduduk di negara Brazil bermain bola di merata tempat tidak kira tempat sama ada di padang atau kawasan pantai. Namun, disebabkan bandar di negara Brazil semakin membangun dan menyebabkan kawasan padang sudah semakin berkurang.





Dengan itu, golongan generasi muda mendapati dewan-dewan tertutup jarang digunakan tersebut boleh memberikan mereka peluang untuk bermain bola sepak di dalam dewan tersebut. Hal ini telah menyebabkan menjadi ikutan di beberapa kawasan lain di Brazil. Oleh itu, perlawanan secara persahabatan dan pertandingan telah diadakan. Akhirnya, mereka menggelar permainan itu dengan panggilan ‘FUTSAL’ yang bermaksud fut=futbol (bolasepak dalam bahasa Brazil) sal=sallon (dewan tertutup dalam bahasa Brazil).

Futsal telah berkembang di Brazil, pada tahun 1936 mereka telah menetapkan perkara-perkara penting di dalam futsal iaitu undang - undang dan peraturan bagi sukan ini. Apabila peraturan tersebut diperkenalkan, futsal semakin digemari dan berkembang ke seluruh dunia. Brazil terus menjadi pusat futsal dunia, permainan ini sekarang dimainkan di bawah perlindungan FIFA di seluruh dunia, dari Eropah hingga Amerika



Tengah dan Amerika Utara serta Afrika dan Asia. Pertandingan peringkat antarabangsa pertama diadakan pada tahun 1965, Paraguay menjuarai Piala Amerika Selatan pertama. Enam perebutan Piala Amerika Selatan berikutnya diselenggarakan hingga tahun 1979, dan semua gelaran juara dimenangi Brazil. Brazil meneruskan dominasinya dengan meraih Piala Pan Amerika pertama tahun 1980 dan berikutnya pada tahun pada 1984.

Pada tahun 1974 terdapat pertemuan antara perwakilan futsal dari pelbagai negara. Pertemuan di Sao Paulo itu akhirnya telah membentuk FIFUSA (The Federacao Internationale de Futebol de Salao / Federasi Futsal AS) sebagai organisasi rasmi futsal. FIFUSA saat itu melantik Joao Havelange sebagai ketua. Dengan tubuhnya FIFUSA, kejuaraan dunia futsal pertama telah dipertandingkan pada 1982 di Sao Paulo Brazil. Pada kejohanan tersebut Brazil telah menjadi juara keseluruhan. Setelah adanya





kejuaraan dunia, penyertaan ramai pemain profesional bola sepak yang berasal dari permainan futsal dan turut memajukan industri bola sepak telah menarik minat Football International Federation Association (FIFA). Dengan itu, pada tahun 1989, FIFA memutuskan untuk mengambil alih pentadbiran dalam organisasi futsal. Kejohanan piala dunia futsal pertama pada 1989 dibawah FIFA di Belanda telah dilangsungkan dan kejuaraan pertama dimenangi oleh Brazil.

Penyeragaman protokol dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh FIFA pada pertandingan antarabangsa telah meningkatkan lagi tahap permainan futsal tersebut. Dengan kemajuan tersebut, sukan futsal telah di permainkan di Malaysia sejak tahun 1990 an. Pada waktu itu sukan futsal masih tidak mendapat minat masyarakat disebabkan pengaruh sukan badminton dan bola sepak lebih kuat. Selain itu, sukan futsal jugak tidak mendapat liputan luas oleh media di Malaysia. Namun, pada tahun 2000 Penubuhan unit futsal bermula di Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) yang diketuai oleh Encik Jey Singh Mutthiah telah ditubuhkan dengan jurulatih pertama skuad futsal Malaysia ialah Encik Bhawandi Hiralal. Perkara tersebut telah menjadikan futsal semakin popular di negara Malaysia dengan mula operasinya Sports Planet di Sunway dan Shah Alam.

Tambahan itu, tumbuhnya pusat-pusat permainan futsal ini seperti cendawan selepas hujan di beberapa kawasan yang strategik menjadikan sukan ini semakin popular dan diminati dikalangan remaja dan belia. Perkembangan ini semakin meluas dengan penubuhan unit atau jawatankuasa Futsal Persatuan Bola Sepak Negeri. Pihak Kementerian Belia dan Sukan turut membantu perkembangan ini dengan membina gelanggang futsal di setiap parlimen seluruh Malaysia mulai tahun 2010. Selaras dengan itu, pada tahun 2004, Persatuan Bola Sepak Malaysia memperkenalkan liga





futsal pertama yang ditaja oleh Hyundai. Liga itu dikenali sebagai Kejohanan Futsal Kebangsaan Hyundai, yang kemudian disertai oleh 18 pasukan dan telah diadakan di Sports Planet Ampang.

Pada tahun 2006, liga itu dipanggil Kejohanan Futsal Kebangsaan Celcom selepas Celcom mengambil alih sebagai penaja utama dan format karnival yang berlaku di empat zon (Utara, Tengah, Selatan & Timur). Seramai 33 pasukan bertanding kali ini untuk gelaran liga. Pada tahun 2007, FELDA mengambil alih sebagai penaja rasmi dan dipanggil sebagai Liga Futsal Kebangsaan FAM / FELDA. Kategori wanita diperkenalkan buat kali pertama pada tahun itu. Liga Futsal Kebangsaan telah berlangsung dengan jayanya sehingga tahun 2018 dan pada tahun 2019 liga futsal Malaysia telah dinaiktaraf sebagai liga yang professional dan dipanggil Liga Premier Futsal Malaysia (MPFL) adalah satu-satunya liga futsal profesional di Malaysia.



Seramai 8 pasukan telah bertanding dan kejuaran pertama dimenangi oleh pasukan

futsal Selangor.

Bagi peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT), kejohanan Futsal IPT telah diperkenalkan pada tahun 2010. Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE), dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah pengajur Kejohanan Liga Futsal IPT tersebut. Kejohanan tersebut adalah berdasarkan format litar yang dianjurkan oleh IPT yang terpilih di seluruh Malaysia. Pasukan dari institusi pengajian tinggi Malaysia, seperti universiti awam, kolej swasta / kolej universiti, politeknik dan kolej komuniti yang akan bertanding di dalam kejohanan ini. Jelas, bahawa sukan futsal kini telah diminati oleh masyarakat Malaysia dan perkembangan sukan tersebut telah dapat dilihat dari masa ke semasa.





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Karim dan Nadzalan (2017) menyatakan bahawa pengetahuan jurulatih merangkumi pelbagai maklumat, contohnya latihan yang paling sesuai untuk tahap perkembangan atlet dan kemungkinan besar untuk meningkatkan tahap kemahiran pemain. Jurulatih yang berkesan adalah jurulatih yang memahami keperluan pengikut semasa merancang dan membuat keputusan yang baik (Karim & Ismail 2019). Jesteru itu, kepimpinan dalam sukan bukan sahaja melibatkan persatuan yang mengawal sukan atau tugas-tugas pengurusan tetapi yang lebih penting peranan jurulatih yang bertanggungjawab secara langsung dengan atlet (Chee, et al., 2017). Kejayaan sesebuah pasukan dalam satu kejohanan bukan terletak kepada kehebatan dan kualiti atlet semata-mata, namun terletaknya kepada kerjasama sekumpulan individu melibatkan hubungan kesepaduan jurulatih dan atlet yang bekerja secara berkumpulan (Govindan, et al., 2019)



Kepimpinan adalah sesuatu yang kompleks untuk ditakrifkan tetapi membawa kepada kesamaan dari segi konteks sebagai proses, pengaruh, kerja berpasukan dan penentuan matlamat (Karim, Ghafar & Nadzalan, 2018). Oleh demikian itu, gaya kepimpinan yang digunakan oleh jurulatih mampu dijadikan sebagai alat untuk mempengaruhi pengikutnya iaitu atletnya. Menurut Model Multidimensi kepimpinan Chelladurai dan Saleh (1980) kepuasan dan prestasi atlet adalah hasil interaksi tiga komponen kepimpinan iaitu tingkah laku kepimpinan yang diperlukan, tingkah laku kepimpinan yang sebenar dan tingkah laku yang digemari. (Rajah1.1)

Gaya kepimpinan jurulatih yang sesuai akan meningkatkan prestasi dan aspek fisiologi atlet untuk menjadi lebih mudah menerima arahan untuk mencapai matlamat tertentu (Lamat, et al., 2016). Selain itu, gaya kejurulatihan yang digunakan juga





penting untuk memastikan para atlet dapat mengekalkan prestasi yang baik serta disiplin atlet di bawah bimbingan jurulatih (Cushion & Jones, 2014). Walaubagaimanapun terdapat banyak pencabar dan penekanan dalam peranan jurulatih (Karim, 2016). Lima dimensi kempimpinan jurulatih daripada (Chelladurai dan Saleh 1980) yang dicadangkan iaitu latihan dan arahan, demokratik, autokratik, sokongan dan sosial dan maklum balas positif.

Latihan dan arahan ialah jurulatih memberi arahan dengan mengutamakan prestasi dan pencapaian matlamat. Demokratik pula jurulatih memberi atlit untuk melibatkan atletnya dalam membuat keputusan bagi mencapai matlmat, pendekatan latihan dan taktik strategi perlawanan. Seterusnya, autokratik jurulatih berkuasa mutlak dalam segala tindakan dan membuat keputusan sendiri dalam mencapai keputusan yang diingini. Sokongan dan sosial ialah jurulatih mewujudkan susasa yang mesra, dan persaudaran yang baik demi kebajikan pemain. Akhir sekali, maklum balas positif jurulatih akan memberi penghargaan ke atas prestasi yang ditunjukkan oleh pemain.

Pasukan yang mempunyai kesepadan yang tinggi, secara tidak langsung dapat mencapai kejayaan dan dapat mempamerkan persembahan yang cemerlang dalam setiap perlawanan (Moorthy, Aziz & Elumalai, (2017). Hubungan positif di antara jurulatih dan atlet telah diiktiraf secara meluas sebagai perantara untuk memacu kejayaan dan kepuasan dalam sukan. Jesteru itu, definisi kesepadan pasukan ialah merupakan proses yang dinamik yang dijelaskan menerusi kecenderungan sesuatu kumpulan untuk bersatu dan bersama mencapai objektif dan matlamat kumpulan tersebut (Carron, 1982). Perkara ini dapat dilihat, apabila sesebuah pasukan yang telah kalah pada pasukan yang kurang mempunyai pemain dan merupakan bukan pasukan






pilihan dalam perlawanan tersebut, jurulatih selalunya akan memberi maklumbalas seperti berikut, “Pasukan kita tidak bermain dengan satu pasukan, bermain secara individu, dan tidak mengikuti strategik yang telah dirancang”.

Jelaslah, bahawa permainan yang melibatkan pasukan memerlukan kesepaduan pasukan yang kukuh dalam mencapai matlamat pasukan. Maklum balas yang diberikan oleh jurulatih dan pemain memberi mereka peluang untuk belajar sesuatu (Karim, Muszali, Hizan, Yakub, Ahmad, Hassan & Suhaimi, 2019). Ini bermakna, kesepaduan pasukan merupakan elemen utama dalam kejayaan sesebuah pasukan di dalam satu kejohanan. Dengan itu, Carron, et al., (1985) telah bertanggungjawab telah menghasilkan instrument pengukuran kesepaduan pasukan dengan membangunkan “*Group Environment Questionnaire*” (GEQ).




Dalam model ini, terdapat dua kategori iaitu mewakili keakraban, persamaan, dan ikatan dalam kumpulan secara keseluruhan dan penglibatan dengan ahli-ahli kumpulan yang lain (group integration) dan perasaan ahli-ahli individu mengenai kumpulan itu dan peranan peribadi penglibatan mereka (individual attraction to the group). Kedua-dua faktor ini mempunyai dua fokus yang dipanggil sosial atau tugas. Sosial boleh ditakrifkan sebagai haluan umum ke arah membangun dan mengekalkan perhubungan sosial dalam kumpulan, manakala tugas boleh ditakrifkan sebagai haluan umum ke arah mencapai matlamat dan objektif kumpulan. (Rajah 1.2)





Rajah 1.1: Model Multidimensi Kepimpinan
Sumber: Chelladurai (1991)



Rajah 1.2 Konsep model kesepadan pasukan untuk GEQ. Adaptasi dari Carron, et al., 1985.



1.3 Penyataan Masalah

Hubungan gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan sering menjadi isu utama bagi kemerosotan sesebuah pasukan sukan. Bagi tinjaun awal dilakukan oleh penyelidik kepada pasukan futsal lelaki dan wanita Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menghadapi kemerosotan prastasi telah berlaku pada Kejohanan Liga Futsal IPT 2019. Oleh itu, telah timbulnya keinginan penyelidik untuk mengkaji mengenai hubungan gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan. Maka dengan itu, kajian ini mampu membantu jurulatih bagi meningkatkan prestasi pasukan dengan menilai gaya kempimpinan yang sesuai bagi meningkatkan kesepaduan pasukan.

Kejohanan Liga Futsal IPT bagi kategori lelaki dijalankan mengikut format liga

yang akan diadakan 3 siri yang berlangsung pada 3 tempat berbeza. Manakala bagi kategori wanita hanya dijalankan pada satu siri sahaja. Penyelidik mendapati pada setiap siri kejohanan pemain lelaki yang telah didaftarkan oleh Futsal UPSI sering bertukar disebabkan faktor oleh perubahan semester yang berlaku manakala wanita tidak berubah. Penyelidik juga mendapati jurulatih yang mengendalikan pasukan lelaki dan wanita juga adalah jurulatih yang sama. Jesteru itu, penyelidik mendapati bahawa kajian ini turut mampu membantu jurulatih untuk mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih perlu sama atau tidak antara pasukan wanita dan lelaki.





1.4 Objektif Kajian

- i. Untuk mengenalpasti terdapat hubungan yang positif atau tidak antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan bagi pasukan futsal lelaki dan wanita Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- ii. Untuk melihat terdapat perbezaan jantina terhadap persepsi gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif dan kepentingan kajian, beberapa persoalan yang terdapat di dalam penyelidikan ini akan dijawab adalah:

- i. Apakah terdapat hubungan gaya kepimpinan jurulatih dengan kesepaduan pasukan mempunyai hubungan yang positif.
- ii. Adakah terdapat perbezaan jantina terhadap persepsi gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan.

1.6 Hipotesis

Hipotesisnya ialah tererdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dan kesepaduan pasukan dalam kalangan pemain futsal lelaki dan wanita UPSI yang bermain di dalam Liga Futsal IPT dalam kajian ini.





1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat istilah yang digunakan yang harus diperjelaskan agar gambaran yang lebih jelas tentang kajian ini. Antara istilah yang ada ialah gaya kepimpinan, kesepaduan pasukan dan pemain futsal.

1.7.1 Gaya Kepimpinan

Kepimpinan adalah sesuatu yang kompleks untuk ditakrifkan tetapi membawa kepada kesamaan dari segi konteks sebagai proses, pengaruh, kerja berpasukan dan penentuan matlamat (Karim, Ghafar & Nadzalan, 2018). Lima dimensi kempimpinan jurulatih daripada (Chelladurai dan Saleh 1980) telah dicadangkan iaitu latihan dan arahan, demokratik, sokongan dan social, autokratik dan maklum balas positif.



Latihan dan arahan ialah jurulatih memberi arahan dengan mengutamakan prestasi dan pencapaian matlamat. Demokratik pula jurulatih memberi atlit untuk melibatkan atletnya dalam membuat keputusan bagi mencapai matlmat, pendekatan latihan dan taktik strategi perlawanan. Seterusnya, autokratik jurulatih berkuasa mutlak dalam segala tindakan dan membuat keputusan sendiri dalam mencapai keputusan yang diingini. Sokongan dan sosial ialah jurulatih mewujudkan susasa yang mesra, dan persaudaran yang baik demi kebijakan pemain. Akhir sekali, maklum balas positif jurulatih akan memberi penghargaan ke atas presatsi yang ditunjukkan oleh pemain.





1.7.2 Kesepaduan Pasukan

Kesepaduan pasukan ialah merupakan proses yang dinamik yang dijelmakan menerusi kecenderungan sesuatu kumpulan untuk bersatu dan bersama mencapai objektif dan matlamat kumpulan tersebut. Dengan itu, Carron, et al., (1985) telah bertanggungjawab telah menghasilkan instrument pengukuran kesepaduan pasukan dengan membangunkan “*Group Environment Questionnaire*” (GEQ).

Dalam model ini, terdapat dua kategori iaitu mewakili keakraban, persamaan, dan ikatan dalam kumpulan secara keseluruhan dan penglibatan dengan ahli-ahli kumpulan yang lain (group integration) dan perasaan ahli-ahli individu mengenai kumpulan itu dan peranan peribadi penglibatan mereka (individual attraction to the group). Kedua-dua faktor ini mempunyai dua fokus yang dipanggil sosial atau tugasan.

Sosial boleh ditakrifkan sebagai haluan umum ke arah membangun dan mengekalkan perhubungan sosial dalam kumpulan, manakala tugasan boleh ditakrifkan sebagai haluan umum ke arah mencapai matlamat dan objektif kumpulan.

1.7.3 Pemain Futsal

Pemain futsal lelaki dan wanita Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah menyertai Kejohanan Liga Futsal IPT dianjurkan oleh Bahagian Sukan Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE), dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).





1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian yang diperolehi dari kajian ini diharapkan dapat membantu jurulatih mendapat maklumat sebenar tentang hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dan kesepadan pasukan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pasukan kearah yang cemerlang berdasarkan matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. Usaha yang dijalankan penyelidik ini diharapkan mampu dijadikan panduan serta rujukan kepada semua jurulatih futsal lelaki atau wanita dalam mengurusakan dan melatihkan pasukan kearah yang lebih berkesan dengan meneliti gaya kepimpinan yang sesuai untuk kesepadan pasukan mengikut situasi dan suasana. Kajian ini turut membantu pihak pengurusan untuk menilai jurulatih yang diingini bagi mengandalikan pasukan mengikut kehendak pasukan. Perkara ini sangat penting kerana jurulatih merupakan orang bertanggungjawab untuk memimpin pasukan ke arah kajayaan.



1.9 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang telah dikenal pasti semasa melaksanakan kajian ini:

- i. Masalah masa yang diperuntukan responden sedikit untuk menjawab soalan menyebabkan kefahaman terhadap item-item soalan yang perlu jawab mempengaruhi dapatan kajian ini.
- ii. Kajian menggunakan pemain futsal lelaki dan wanita Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah menyertai Kejohanan Liga Futsal IPT sahaja. menyebabkan keputusan kajian terhad dan jawapan hanya dari pemain tersebut sahaja.

